

**MANUSKRIP *HUJJATUL BALIGHAH* KARYA SYEIKH JALALUDDIN AL-  
ASY: KAJIAN *TAHQIQ* TEKS BAB PENDAKWAAN**

Ahmad Misbah Muhamad Hilmi<sup>1</sup>, Mohd. Faisal bin Mohamed<sup>2</sup>  
NurSyahidah Abdul Rahman<sup>3</sup>, Abdul Aziz Awang Kechik<sup>4</sup>

[ahmadmisbah@kuis.edu.my](mailto:ahmadmisbah@kuis.edu.my)<sup>1</sup>, [mohdfaisal@kuis.edu.my](mailto:mohdfaisal@kuis.edu.my)<sup>2</sup>

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

Kertas ini adalah bertujuan mentahqiq manuskrip *Hujjatul Balighah* dengan fokus dalam bab *ad-dakwa* yang terdapat dalam manuskrip *Hujjatul Balaighah* karya Syeikh Jalaluddin al-Asy. Matlamat penulisan ini membincangkan biografi ringkas tentang seorang tokoh ulama Aceh yang pernah berjasa kepada dunia Islam di Nusantara khususnya ketika zaman kegemilangan kerajaan Islam Aceh dan pemikirannya dalam bidang feqah Kehakiman. Kajian ini hanya memfokuskan satu bab dari keseluruhan kandungan manuskrip. Walaupun banyak analisis telah dilakukan kepada manuskrip Jawi-Melayu, kebanyakan penemuan dalam kajian manuskrip jarang disebutkan sumber-sumber rujukan yang berwibawa dan penting. Secara umum karangan beliau ini hanya perbahasan feqah kehakiman Islam, namun penghasilannya sangat bermanfaat untuk menjaga kelangsungan keadilan sistem kehakiman Islam adalah merupakan objektif paling utama dalam syariat Islam untuk dipelihara.

**Kata kunci:** Manuskrip, Tahqiq, Dakwa.

## **1.0 PENGENALAN**

Kedatangan Islam sebagai *al-din* membawa satu perubahan yang dinamis terhadap budaya masyarakat Melayu. Impaknya berlaku penyebaran Islam secara meluas pada abad ke- 14M dan ke-15M. Sejajar dengan itu ia memperlihatkan perkembangan begitu pesat dalam tradisi penulisan di Nusantara. Ahmad Juhari (2008) mendakwa terdapat kira-kira 16000 manuskrip Melayu dalam tulisan jawi disimpan di perpustakaan dan muzium seluruh dunia, seperti London, Leiden, Singapura, Jakarta, Lisbon dan Berlin (Rohayah Md. Lani et al., 2006; Teuku Iskandar, 1999; Munazzah Haji Zakaria, 1998; Hj. Wan Ali Hj. Wan Mamat, 1985 & 1993; Asma Ahmat, 1992 & 1993; Siti Mariani Omar, 1991; Braginsky & Boldyreva, 1989)<sup>1</sup>.

### **1.1 Latabelakang Syeikh Jalaluddin al-Asy**

Syeikh Jalaluddin al-Asy adalah berasal dari keluarga golongan agama. Pendedahan didikan dan asuhan agama bermula dari awal lagi di tangan ayahnya yang juga adalah seorang guru agama yang dikenali pada ketika itu. Menurut Wan Saghir (2006) ketika di zaman Aceh diperintah oleh Sultan Alauddin Johan Shah beliau telah dipilih dan diberi kepercayaan untuk mengajar agama di Istana. Malah beliau sewaktu itu turut dilantik menjawat jawatan qadi *al-muluk* (adalah gelaran yang diguna pakai ketika itu bagi tahap tinggi dalam kedudukan jawatan qadi).<sup>2</sup>

### **1.2 Pendidikan awal**

Dipercayai ayah beliau ialah Syeikh Kamaluddin dan Datuk Qadhi Baginda Khathib at-Tarun Pasir, kedua-duanya adalah ulama besar, terkenal dan berpengaruh di Aceh pada zamannya. Oleh itu, Syeikh Jalaluddin menerima pengajian Islam tradisional daripada kedua-duanya. Beliau juga turut belajar dengan beberapa orang ulama terkenal di Aceh yang lainnya. Dalam sebuah kitabnya ada dicatatkan bahawa beliau menerima tarekat *Syathariyah* dan tarekat *Qadiriyyah* daripada gurunya Arif Billah Baba Daud bin Ismail al-

---

<sup>1</sup> Lihat Saadan Man, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin dalam *Sumbangan Ulama Melayu Klasik Dalam Menjana Budaya Ilmu Di Alam Melayu*,


<sup>2</sup> Oleh sebab Syeikh Faqih Jalaluddin seorang ulama besar Aceh pada zamannya, maka beliau dilantik sebagai Qadi Malikul Adil dalam masa pemerintahan Sultan Alauddin Maharaja Lela Ahmad Syah (1139 H/1727 M - 1147 H/1735 M) juga pada masa pemerintahan Sultan Alauddin Johan Syah (1147 H/1735 M -1174 H/1760 M).

Jawi bin Agha Mustafa ar-Rumi<sup>3</sup>. Memerhatikan sangat rapat dan mesranya hubungan antara Syeikh Jalaluddin al-Asy dengan gurunya, Baba Daud al-Jawi itu, sedangkan Baba Daud al-Jawi pula adalah murid kepercayaan Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri, maka diyakini bahawa Syeikh Jalaluddin al-Asy sempat pula menerima ilmu-ilmu dari Syeikh Abdur Rauf bin Ali al-Fansuri secara langsung. Beliau juga turut melanjutkan pelajaran ke India dan Mekah (Saghir, 2006).

### 1.3 Karyanya dalam bidang feqah

Karya Syeikh Jalaluddin al-Asy yang pertama diberi judul *Hidayah al-Awam*. Kitab ini adalah tentang fiqh yang ringkas. Pada *mukadimah Hidayah al-Awam*. Seterusnya kitab *Safinat al-Hukkam fi Talkhish al-Khisham*. Kitab ini agak tebal dan lengkap. Penulisannya bermula pada bulan Muharam, hari Jumaat 1153 H/1740 M. Kitab ini dikarang atas perintah Sultan Alauddin Johan Syah.


Lihat keratan 1: kata beliau; *ku minta tolong dengan Allah daripada tersalah dan lupa dan minta bagi pahala yang amat besar dari tuhan.....*



Barangkali inilah kitabnya yang terbesar di antara karya-karyanya yang lain. Kemudian beliau mengarang kitab *Hujjah al-Balighah 'ala Jama'ah al-Mukhasamah*.

<sup>3</sup> Datuk neneknya berasal dari Turki dan lebih jauh ke atas lagi berasal dari Rom. Salah seorang keturunannya pergi Aceh, selanjutnya ada yang ke Pattani dan Kelantan. Lihat artikel penuh : [http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1210&pub=utusan\\_malaysia&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_03.htm&arc=hive#ixzz3U5XKtRoF](http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=1210&pub=utusan_malaysia&sec=Bicara_Agama&pg=ba_03.htm&arc=hive#ixzz3U5XKtRoF) © Utusan Melayu (M) Bhd


Keratan 2: Dinamakan kitab ini *Hujjat Al-Balighah Jamaah Mukhasamah*



Kata almarhum al-Ustaz Haji Wan Mohd Saghir ketika meneliti kitab ini, Pada mukadimah Faqih Jalaluddin menulis:

*“Ada pun kemudian dari itu, maka tatkala Hijrah Nabi SAW seratus tiga puluh delapan tahun, kemudian daripada seribu pada empat hari bulan Muharam, waktu Dhuha, hari Sabtu (4 Muharam 1158 H/1745 M) zaman Saiyidina wa Maulana Paduka Seri Sultanah Alauddin Jauhar Syah, Syah Berdaulat Zhillullah fi al-Alam, telah meminta kepadaku setengah daripada kekasihku, salah seorang daripada pengawal sultan yang tersebut itu, bahawa ku suratkan baginya risalah yang simpan pada menyatakan dakwa, dan baiyinah, dan barang yang bergantung dengan keduanya. Ku perkenankan pintanya, dan ku suratkan baginya risalah ini...”*

Keratan 3: Permintaan sultan kepada beliau.



## 2.0 KEPENTINGAN KAJIAN MANUSKRIP

Manuskrip adalah bukti atas pengetahuan sebuah umat dan dalil atas sebuah peradaban. Jika manuskrip umat Islam tidak terjaga dengan baik, apalagi musnah atau pindah ke tangan pihak lain, bagaimana hendak menyatakan bahawa umat ini pernah memiliki peradaban cemerlang? Ada ulama berpendapat, menjaga manuskrip adalah fardhu kifayah.

### 2.1 Proses analisa Teks manuskrip

Antara usaha yang di lakukan untuk menganalisa teks manuskrip ini adalah:

- i. Setiap kesamaran perkataan atau makna yang perlu penjelasan, dijelaskan antara dua kurungan ini [ ] dan di beri keterangan di bawah catatan kaki. Perkataan-perkataan yang terdapat antara dua kurungan adalah penambahan pentahqiqan untuk menjelaskan fakta.

- ii. Setiap kata-kata dalam manuskrip ini jika dipetik daripada lafaz atau makna al-Quran dan Hadis atau kata-kata sahabat Rasulullah SAW atau para ulama diterangkan sumbernya rujukan di catatan kaki (*footnote*).
- iii. Memasukkan tajuk-tajuk yang sesuai pada teks. Ini kerana pada teks asal manuskrip tidak ada tajuk pada setiap huraian.
- iv. Penulis juga akan melakukan komentar terhadap fakta-fakta tertentu yang terdapat di dalam teks.

## **2.2 Perbezaan *Tahqiq* dengan metod penulisan *syarah* dan *ta'liq***

Menurut pengamatan penulis, di Timur Tengah aktiviti penerbitan kitab sangat aktif. Pelbagai bentuk penulisan penerbitan dalam bidang keagamaan seperti penulisan *syarah*, *ta'liq* dan *tahqiq*. Usaha pentahqiqan kitab Arab yang belum pernah di terbit dalam pelbagai disiplin ilmu begitu aktif di jalankan oleh para sarjana Arab muslim dewasa ini. Adakalanya kitab yang sudah terbit dikeluarkan semula dalam bentuk yang telah di tahqiq dengan melakukan perbandingan antara naskhah yang baru ditemui. Ketiga-tiga bentuk penulisan tersebut jelas perbezaannya;

***Tahqiq***: Ia adalah satu cabang ilmu, cabang penulisan yang tidak kurang pentingnya di dalam bidang pengajian agama secara khususnya. Seorang *Muhaqqiq* (pentahqiq) bukan membuat koreksi dalam ertikata dia membuat pembetulan atas apa yang ditulis oleh pengarang. Dia tidak mengatakan ini salah atau ini betul atau membawakan pendapat yang lain (ini boleh didapati di dalam penulisan *Syarah*).

Tetapi pentahqiq adalah dia memastikan setiap lafaz atau perkataan yang ditulis oleh pengarang adalah memang betul-betul datang daripada pengarang, jauh daripada sebarang unsur tokok tambah. Untuk melakukan tahqiq, seseorang harus menguasai disiplin ilmu tema buku yang hendak menjadi objek. Juga mesti memahami bahasa Arab dan kaedahnya, kerana manuskrip adalah tulisan tangan yang ditulis tanpa harakat, dan terkadang banyak coretan, serta urutan catatan tidak teratur. Bahkan, ada tulisan yang tidak jelas disebabkan umur manuskrip sudah lama.

**Syarah:** Imam Al-Bukhari membawa hadis sahaja dalam Sahih Al-Bukhari, begitu juga Imam Muslim membawa hadis sahaja di dalam Sahih Muslim. Kemudian datang Imam Ibnu Hajar dan Imam Al-Nawawi menjelaskan dan memperincikan maksud serta faedah-faedah yang boleh diambil dari kandungan kitab asal yang dibawa oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim. Contoh kitab syarah ialah Fathul Bari Syarah Sahih Al-Bukhari oleh Imam Ibnu Hajar Al-Atsqalani rahimahullah, Syarah Sahih Muslim oleh Imam Al-Nawawi rahimahullah.

**Ta’liq:** Ia berbeza dengan penulisan Syarah, kadangkala asal perkataan yang dibawa oleh penulis cuma sebaris, tetapi Syarahnya sampai bermuka-muka surat. Ta’liq adalah sebaliknya; kadangkala penulis itu menulis bermuka-muka surat, tetapi komentar yang diberi oleh penta’liq cuma sebaris sahaja. Misalnya penulis mendatangkan satu permasalahan, lalu penta’liq memberi komentar di bawahnya: “Dan ini adalah pendapat yang benar”, atau “Dan pendapat ini menyalahi pendapat majoriti”.

Penulisan Biasa	Thaqiq
Menulis iaitu penulisan sesuatu buku menulis/menyusun isi kandungan buku itu dari mula sampai habis.	<i>Tahqiq</i> boleh diterjemahkan sebagai koreksi, memastikan setiap lafaz atau perkataan yang ditulis oleh pengarang adalah memang betul-betul datang daripada pengarang, jauh daripada sebarang unsur tokok tambah.
Syarah	Ta’liq
<i>Syarah</i> Iaitu memberi penjelasan lebih lanjut kandungan sesebuah buku, kadangkala asal perkataan yang dibawa oleh penulis pendek, tetapi Syarahnya lebih panjang.	<i>Ta’liq</i> Iaitu sesebuah buku atau tulisan itu diberi komentar. Ia lebih kurang seperti Syarah, cuma ia berbentuk ringkas. Kadangkala <i>ta’liq</i> (komentar) yang diberi cuma sebaris sahaja.

Jadual 2.1: Perbezaan antara Penulisan Biasa, Tahqiq, Syarah dan Ta’liq

### **3.0 MANUSKRIP**

Dalam bahasa Arab disebut *mahtutat* (مخطوطات) yakni karya seorang ulama yang masih berupa tulisan tangan. Atau perkataan ulama yang di-impla'-kan kepada muridnya. Medium tulisan ketika itu ialah tulisan Arab – Jawi. Pada peringkat awal keislaman di daerah nusantara, orientasinya lebih cenderung kepada aspek mistik dalam tasawwuf, kemudiannya pada peringkat berikutnya baru berorientasikan aspek fiqh atau penerapan hukum hakam dalam masyarakat.

#### **3.1 Pengenalan Ringkas Manuskrip- Jawi**

Tulisan Jawi telah berkembang sejak zaman kerajaan Islam Pasai. Tulisan Jawi kemudian disebarkan ke kerajaan Melaka, Johor dan juga Aceh pada abad ke 17. Tulisan dan skrip Jawi berasal daripada skrip Arab yang sampai ke Kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Ini dibuktikan dengan kemunculan tulisan Jawi bersumberkan tulisan Arab/Islam. Pelbagai teori dan pandangan dikemukakan bagi menguatkan hujah tulisan Jawi kaitannya tentang kedatangan Islam. Para pengkaji barat dan Timur termasuk pengkaji tempatan sendiri seperti Syed Naquib al-Attas, Omar Awang, Fatimi S.Q., Wan Hussin Azmi dan sebagainya menegaskan bahawa kedatangan Islam bukan sahaja membawa agama dan kepercayaan tetapi aspek penulisan budaya Melayu yang lain. Satu perkara yang amat menarik yang dinyatakan oleh Shellabear (1986) ialah orang Melayu menerima sistem tulisan Jawi ini secara langsung daripada orang Arab, dan orang Arab yang mula-mula menggunakan sistem tulisan Arab untuk menulis bahasa Melayu yang seterusnya terkenal dengan nama tulisan Jawi itu.

#### **3.2 Perolehan Manuskrip**

Sehubungan ini, perolehan Manuskrip *Hujjatul Balighah* di lakukan di beberapa tempat simpanan yang dijangkakan. Antara pusat simpanan yang dijangka memiliki Manuskrip *Hujjatul Balighah* ialah Perpustakaan Negara Malaysia yang bukan sekadar tempat penyimpanan, malah turut berperanan sebagai tempat pemuliharaan seperti pengawetan dan penjagaan manuskrip (Mahayuddin Hj. Yahya, 2009). Hasil pengesanan secara keseluruhan mendapati Manuskrip *Hujjatul Balighah* adalah naskhah pelbagai, bukan



naskhah tunggal. Naskhah tunggal ialah naskhah yang tidak popular, tidak dikenali, tidak mengandungi unsur cerita atau pengajaran penting, pengarang tidak dikenali, penulisan belum menjadi kecenderungan masyarakat dan naskhah mengandungi unsur yang dilarang oleh masyarakat (Siti Hawa Mohd Salleh 2009). Justeru, Manuskrip *Hujjatul Balighah* adalah naskhah yang mempunyai banyak keistimewaan. Sehubungan di atas, usaha pengesanan Manuskrip *Hujjatul Balighah* telah dijalankan menerusi kaedah kepustakaan. Pengesanan telah menemukan pelbagai versi Manuskrip *Hujjatul Balighah* yang boleh di kategori dalam dua kelompok, iaitu koleksi Repositori dan simpanan individu.

a) Koleksi Repositori<sup>4</sup>

Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Kuala Lumpur adalah antara repositori manuskrip Melayu yang memiliki jumlah naskhah Manuskrip *Hujjatul Balighah* terbesar berbanding repositori lain. Jumlah ini bertambah dari masa ke masa yang terbukti dari jumlah terkini iaitu menurut catatan dalam Katalog Manuskrip Melayu koleksi Perpustakaan Negara Malaysia terdapat sejumlah 19 buah manuskrip. Setiap naskhah atau versi mempunyai kod masing-masing seperti yang dapat dilihat pada jadual 3.1.

Jadual 3.1: Pelbagai Versi Manuskrip *Hujjatul Balighah* di PNM, Kuala Lumpur.

Bil	Manuskrip	Kod
1	<i>Hujjatul balighah 'ala jamaah mukhashamah</i> Disalin pada 4 Muharam 1158H (6 Februari 1745M) Lengkap. <sup>5</sup>	MSS:2908 G
2	<i>Hujjat al- Balighah</i> 19.5X16.5 sm; 19 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Kesan kotor di kebanyakan halaman. Tera air: Singa	MSS 3329

<sup>4</sup> Pelbagai takrifan dan definisi diberikan mengenai repositori institusi, maka ia bergantung kepada pendekatan, aplikasi dan tujuan penubuhan sesebuah repositori. Lihat Fairuzah Basri, Salmah Ahmad, Mohd Syukri Yeoh Abdullah, *Manuskrip C'umdat Al-Muhtajin: Perolehan Dan Penetapan Versi Kajian*, Seminar Serantau Kajian Manuskrip Melayu dan Kearifan Tempatan.2013.

<sup>5</sup> Lihat Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Tambahan Ketiga.2003. Perpustakaan Negara Malaysia,h.29

	bermahkota memegang pedang di dalam bulatan berwarna hitam. Rubrikasi pasa perkataan bahasa melayu yang tertentu. Tulisan kurang menarik tetapi kosisten. Sedikit hiasan di halaman akhir. Berjilid 2 kuras dijahit tanpa kulit. Lengkap <sup>6</sup>	
3	<i>Hujjat al-Balighah</i> 22.4x17sm; 17 baris. Kertas laid Eropah. Tera Air: 3 bulatan sabit sederet dengan saiz mengecil. Lengkap. <sup>7</sup>	MSS3575
4	<i>Hujjat al- Balighah</i> ditulis oleh Tengku Imam Jahip. 21.9 x 16 sm.; 17 baris. Kertas laid Eropah.Tera Air: 3 bulan sabit berderet dengan saiznya mengecil. Lengkap. <sup>8</sup>	MSS3584
5	<i>Hujjat al- Balighah</i> . Kepunyaan Tengku Ali dari negeri Pasai. 17 baris. Lengkap. <sup>9</sup>	MSS3707 B
6	<i>Hujjat al-Balighah</i> . Tamat disalin pada hari Sabtu 29 Zulkaedah pada waktu Dhuha. Kitab ini kepunyaan Imam Balak. 22.5 x 17.5 sm; kertas Anyaman.11-17 baris. Lengkap. <sup>10</sup>	MSS3819 C
7	<i>Hujjat al-Balighah</i> . Dikarang pada zaman Sultan Alauddin Johan Shah, 4 Muharam 1158H (5 Februari 1745M) pada waktu Dhuha, hari Sabtu. Selesai di salin pada hari Jumaat 15 Jamadil Awal pada waktu Asar. Lengkap. <sup>11</sup>	MSS 3851 B
8	<i>Hujjat al-Balighah</i> . Telah dikarang pada hari Sabtu 4 Muharam 1058H (28 Januari 1648M) pada zaman Sultan Alauddin Johan Shah. Lengkap. <sup>12</sup>	MSS3943 B
9	<i>Hujjat al-Balighah</i> . Disalin pada malam Sabtu waktu Isyak. 21.1 x 15.2 sm; 19 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih	MSS 4000

<sup>6</sup> Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Tambahan Keempat.2006. Perpustakaan Negara Malaysia h.165

<sup>7</sup> Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Tambahan Kelima.2008. Perpustakaan Negara Malaysia h.31.

<sup>8</sup> *Ibid.* h.33.

<sup>9</sup> *Ibid.* h.78

<sup>10</sup> *Ibid.* h.113

<sup>11</sup> *Ibid.* h. 130

<sup>12</sup> Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Tambahan Keenam..2011. Perpustakaan Negara Malaysia.h.40.

	<p>kekuningan pada asalnya berubah kepada kecoklatan disebabkan kotoran yang melekat. Tera Air: 3 bulan sabit sederet dengan saiznya mengecil. Dakwat hitam kecoklatan. Beberapa perkataan bahasa Melayu yang dirubik seperti قاعده ، يعكدوفوله، فعجاران، دمكينلاك serta ayat bahasa Arab seperti sabda Nabi. Penulisan konsisten dan kemas. Terdapat catatan tepi di beberapa helai. Berjilid dan tidak berkulit. . Lengkap<sup>13</sup></p>	
10	<p><i>Hujjat al-Balighah.</i> 19.4 x 16 sm; 19 baris. Kertas Anyaman berwarna coklat lembut. Terdapat banyak lubang kesan dimakan serangga. Banyak kotoran pada kertas. Dakwat hitam. Terdapat rubrikasi pada ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu yang tertentu dirubik. Penulisan konsisten tetapi kecil, rapat kelihatan padat. Tulisan tidak menarik. Tidak berjilid dan dibaluti kain berwarna hitam. Lengkap.<sup>14</sup></p>	MSS4077
11	<p><i>Hujjat al-Balighah.</i> Selesai disalin pada 4 Muharam 1050H (25 April 1640M) pada waktu Dhuha. Hari Sabtu di zaman Sultan Alauddin Shah. 20.6 x 14.2 sm.; 19 baris. Kertas laid Eropah berwarna coklat lembut. Kertas mempunyai kesan carikan dan berlubang. Tera Air: Kuda dan huruf T.G dibawahnya. Dakwat hitam. Terdapat rubrikasi pada ayat bahasa Arab, bahasa Melayu yang tertentu dirubik. Penulisan kemas dan konsisten tetapi kecil, rapat kelihatan padat. Tidak berjilid dan tidak berkulit. Tidak lengkap.<sup>15</sup></p>	MSS4087
12	<p><i>Hujjat al-Balighah.</i> 23 x 17 sm; 21 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat kesan tompokan tetapi masih berkeadaan baik. Dakwat hitam. Terdapat rubrikasi pada</p>	MSS4124

<sup>13</sup> *Ibid.* h. 68.

<sup>14</sup> *Ibid.* 108

<sup>15</sup> *Ibid.* h. 112

	ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penulisan kemas dan konsisten. Berjilid kuras dijahit tanpa kulit. Lengkap. <sup>16</sup>	
13	<i>Hujjat al-Balighah ala jamaah mukhasamah</i> 30.6 x 19.5 sm; 28 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat helaian bercirikan dan berlubang di makan serangga serta kesan tompokan dan berbekas air. Teks terjejas pada kadar minima. Tera Air: “Coat of Arms”. Dakwat hitam kecokelatan. Rubrikasi berwarna merah pada ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penulisan menarik, konsisten tetapi tulisan kecil dan rapat. Tidak lengkap. <sup>17</sup>	MSS4288 B
14	<i>Hujjat al-Balighah ala jamaah mukhasamah</i> 21x x 15.5 sm; 17 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat banyak kesan kotoran, contengan. Teks terjejas disebabkan berlubang dimakan serangga . Dakwat hitam. Rubrikasi banyak pada ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu. Penulisan kemas cantik ada teks yang ditulis dalam bingkai bergaris dan ada yang tidak. Lengkap. <sup>18</sup>	MSS4289 B
15	<i>Hujjat al- Balighah</i> . Tamat ditulis pada hari Sabtu waktu Zohor. 21 x 16 sm; 19 baris. Kertas laid Eropah berwarna putih kekuningan. Terdapat banyak lubang-lubang kecil. Teks terjejas disebabkan berlubang dimakan serangga .Tera Air: bulan sabit berprofil manusia dalam perisai. Dakwat hitam. Rubrikasi pada judul dan bab. Penulisan kemas dan konsisten. Berjilid dan dibalut dengan kain songket berwarna hitam berbenang emas. Lengkap <sup>19</sup> .	MSS4350 B

<sup>16</sup> Ibid. 135

<sup>17</sup> Katalog Manuskrip Melayu Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Tambahan Ketujuh.2012. Perpustakaan Negara M alaysia.h..53

<sup>18</sup> Ibid. h.54

<sup>19</sup> Ibid. 160

b) Naskhah Koleksi Individu

Sehingga kini pengkaji belum menemui manuskrip *Hujjatul Balighah* koleksi individu. Dari maklumat yang di perolehi manuskrip yang terdapat di PNM adalah sumbangan individu kepada pihak PNM agar manuskrip tersebut dapat dipelihara dan dimanfaatkan. Naskhah-naskhah yang ditemui dan yang terpilih itu berbeza kerana terdapat perbezaan identiti, antaranya dari sudut ukuran, jumlah halaman, jumlah baris setiap halaman.

### **3.3 Pemilihan Manuskrip Kajian**

Pemilihan Manuskrip *Hujjatul Balighah* tertakluk kepada manuskrip yang dapat diakses secara mudah. Manuskrip yang telah diakses akan diteliti untuk mendapatkan satu kumpulan naskhah pilihan yang ditetapkan kepada tiga naskhah. Tumpuan kepada tiga naskhah akan menjadi pembandingan antara satu dengan lain dan menepati kaedah triangulasi, iaitu mendapatkan pelbagai data daripada punca yang berbeza (Shank, G. D. 2006). Pemilihan manuskrip akan didasarkan kepada tiga (3) ciri, iaitu (1) lengkap, (2) mempunyai identiti penulisan seperti tarikh dan nama pengarang atau penyalin dan (3) versi yang baik atau sempurna (Salmah Ahmad, 2009).

Ciri pertama menjadi asas pemilihan kerana versi lengkap mempunyai keseluruhan halaman yang bermula dengan halaman pertama hingga akhir. Halaman lengkap akan menampakkan jalinan isi manuskrip pada setiap halaman dan menampilkan gambaran sebenar serta menyeluruh sesebuah manuskrip. Sebaliknya, versi tidak lengkap adalah versi yang kehilangan beberapa halaman. Keadaan ini akan mengurangkan jalinan isi manuskrip dan menyekat gambaran keseluruhan sesebuah manuskrip serta turut menjejaskan nilai ilmu dalam sesebuah manuskrip.

Ciri kedua pula; pemilihan identiti penulisan pada sesebuah manuskrip menampakkan sikap tanggungjawab penulis mahupun penyalin. Sehubungan ini, menurut Mohd Taufik Arridzo (2007), sikap ini amat penting dalam penulisan manuskrip kitab khususnya kerana kandungan manuskrip kitab yang menyentuh pelbagai ajaran keagamaan perlu kepada kepastian nama penulis dan juga penyalin. Selain itu, Mohd Taufik berpendapat, penulis dan juga penyalin manuskrip kitab menyamai taraf perawi atau periwayat dalam

ilmu Hadith yang perlu dikenali. Sehubungan di atas, Manuskrip *Hujjatul Balighah* yang dipilih sebolehnya mengandungi ciri kedua tersebut, walaupun ciri ini agak sukar dipenuhi kerana sebahagian besar manuskrip Melayu tidak mempunyai nama penulis dan juga penyalin, khususnya manuskrip Melayu sebelum abad ke 19 Masihi. Hal ini diakui oleh kebanyakan pengkaji manuskrip Melayu, antaranya Siti Hawa Mohd Salleh (2009), Ding Choo Ming (2008), Panuti Sudjiman (1995), R. O. Robson (1978).

Ciri ketiga pula, iaitu versi yang baik dan sempurna menjadi ketetapan dalam pemilihan versi Manuskrip *Hujjatul Balighah* kerana ciri ini akan melengkap dan memudahkan penelitian serta perbandingan. Naskhah baik adalah naskhah yang tidak mengalami kerosakan teruk seperti tidak berlubang kerana dimamah gegat, terutama pada bahagian yang mengandungi teks dan juga tulisan tidak kembang. Dua bentuk kerosakan ini akan menyebabkan isi manuskrip pada bahagian yang rosak tidak dapat dikenalpasti. Justeru, kerosakan ini akan mengurangkan satu bacaan pada bahagian yang rosak.

Walaupun, versi di atas menjadi batasan kajian, namun kajian ini akan menggunakan naskhah lain yang tidak termasuk dalam naskhah pilihan, di samping naskhah tidak lengkap seandainya naskhah pilihan yang tiga di atas tidak memadai untuk mengenalpasti sesuatu masalah, terutama masalah varian. Ini menunjukkan naskhah atau versi lain selain dari versi pilihan tidak diabaikan begitu sahaja, sebaliknya ia akan digunakan untuk menampung kekurangan pada versi pilihan.

Penetapan versi *Hujjatul Balighah* adalah berdasar tiga naskhah yang telah dipilih. Berdasar tiga naskhah ini pula, penetapan dijalankan untuk menentukan naskhah utama dan naskhah bandingan. Justeru, penetapan naskhah turut melibatkan perbandingan naskhah (Najat al-Marini, 2006). Klasifikasi penetapan naskhah utama dan bandingan ditunjuk pada versi A, B dan C yang ditetapkan berdasar keutamaan naskhah. Sehubungan itu, dari tiga naskhah pilihan, iaitu (1) Manuskrip MSS4288 B, (2) MSS 3851 B dan (3) MSS4124, ketetapan klasifikasi versi A, B dan C mengambil kira catatan tarikh, penyalin dan tempat. Walaupun tarikh dimaksudkan sebagai sejarah atau

historiografi<sup>20</sup> namun terma ini turut melibatkan penggunaan tahun, bulan dan haribulan (Kamus Dewan, 1984). Oleh itu, tarikh menampakkan jarak antara zaman yang sekaligus memperlihatkan kronologi tahun yang paling hampir dengan zaman pengarang manuskrip *Hujjatul Balighah*. Sehubungan ini, tarikh menjadi satu unsur penting dalam menetapkan klasifikasi versi manuskrip *Hujjatul Balighah* dan diikuti dengan nama penyalin serta tempat salinan. Oleh itu, berdasar tiga versi manuskrip *Hujjatul Balighah* menjadi pilihan, penetapan antara versi ialah dengan melihat keutamaan tarikh, penyalin dan tempat salinan.

Meskipun banyak terdapat kitab-kitab lain yang masyhur seperti *Sirat al-Mustaqim*, *Sabil al-Muhtadin*, *Bughyah al-Tullab*, *Furu' al-Masa'il* dan *al-Bahr al-Wafi Wa al-Nahr al-Safi*, tetapi kitab-kitab tersebut tidak merangkumi semua bab dalam ilmu fiqh. Sebagai contoh, meskipun kitab *Furu' al-Masa'il* adalah sebuah kitab yang sangat besar, ia hanya membicarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan cabang-cabang dan ranting-ranting ilmu fiqh dan tidak merangkumi semua bab dalam ilmu fiqh.

### **3.4 Manuskrip *Hujjatul Balighah***

Kebanyakan naskhah ini ditemui hasil melalui penyalinan secara tradisonal; bertulisan tangan dan menggunakan kudrat tangan; tanpa bantuan teknologi percetakan, jumlah ini adalah satu jumlah yang besar. Lebih-lebih lagi, penulisan dan penyalinan manuskrip Melayu bergantung sepenuhnya kepada tenaga manusia yang mempunyai kecenderungan dalaman. Justeru kecenderungan ini penyalin bersedia menyalin, walaupun hanya menggunakan jari jemari tangan dan kemudahan yang terbatas.

Syeikh Jalaluddin al-Asyi menampakkan dirinya sebagai seorang ulama yang tegas, bahawa undang-undang kadi menurut ajaran Islam mesti dilaksanakan. *Hujjah al-Balighah* beliau ertikan dengan "kata yang tiada berlawan." Bagi melaksanakan perkataan yang tidak boleh dilawan itu beliau mentertibkannya atas tiga bahagian, iaitu: pertama pada menyatakan kadi dan barang yang bergantung dengannya, kedua pada

---

<sup>20</sup> <http://en.wikipedia.org/wiki/Tarikh> - muat turun pada 12 Disember 2014

menyatakan dakwa dan baiyinah dan barang yang bergantung dengannya ketiga pada menyatakan saksi dan sumpah dan barang yang bergantung dengannya.

#### 4.0 TAHQIQ TEKS HUJJATUL BALIGHAH: BAB AD-DAKWA

Perkataan-perkataan yang terdapat dalam kitab *Hujjatul Balighah* ini tidak bertanda seperti noktah dan koma, terdapat perkataan yang bercampur dengan perkataan Arab kerana ditulis menurut kaedah zamannya. Dalam tulisan ini penulis hanya bawakan teks yang berkaitan pendakwaan. Penulis hanya membuat pilihan teks yang berkaitan dan yang penting sahaja untuk tulisan ringkas disini dan menyatakan perbezaan teks sekiranya ada dengan bandingan beberapa buah manuskrip iaitu MNA 07 00124<sup>21</sup> dan MNA 070815<sup>22</sup>. Antara lain, penulis bahagikan teks mengikut subtopik yang berkaitan bab pendakwaan kerana asal manuskrip tidak menyatakan sub-topik pendakwaan manakala ulasan tahqiq teks penulis nyatakan di bahagian nota kaki [footnote].

Berkata Pengarang sumber Teks MSS 4289<sup>23</sup>:

*“Dan kemudian dari itu maka tata kala adalah hijrah nabi Sallallahu ‘alaihi Wasallam seratus tiga puluh delapan tahun kemudian daripada seribu (1158H) pada masa empat hari bulan Muharam waktu Dhuha hari Sabtu pada zaman Sayidina Maulana Paduka Seri Sultan ‘Alauddin Johan [dalam manuskrip lain Jauhar] Shah berdaulah<sup>24</sup> zallallah fi ‘alam tolaba minni daripada kekasihku<sup>25</sup> salah seorang daripada pegawai sultan yang tulis itu bahawa kusuratkan baginya suatu risalah yang sempit<sup>26</sup> pada menyatakan rukun dakwa dan bayyinah dan barang yang bergantung dengan keduanya”*

<sup>21</sup> Koleksi manuskrip *Hujjat al-Balighah* dari Museum Negeri Aceh.

<sup>22</sup> Koleksi manuskrip *Hujjat al-Balighah* dari Museum Negeri Aceh.

<sup>23</sup> Koleksi manuskrip *Hujjat al-Balighah* dari Pusat Manuskrip di Perpustakaan Negara Malaysia.

<sup>24</sup> Perkataan *berdaulah* adalah gabungan jawi dan arab iaitu imbuhan *ber* dan *daulah* bermaksud Sultan yang bernegara atau empunya kerajaan *di pelihara Allah dalam alam ini telah meminta daripada aku*

<sup>25</sup> Perkataan *kekasihku* bermaksud sahabat-sahabat pengarang yang rapat dengan beliau dan merupakan ahli istana atau pegawai istana.

<sup>26</sup> dalam MNA 070815 mencatatkan sempit[kecil/ringkas]



“Bermula bab yang pertama pada menyatakan qadi dan barang yang bergantung dengan dia maka makna qadi itu<sup>27</sup> menghukumkan antara segala manusia dan makna hukum itu iaitu mengisbatkan sesesuatu atau menyampaikan dia<sup>28</sup> bermula asal<sup>29</sup> dalamnya firman Allah Taala:

وان احكم بينهم بما انزل الله<sup>30</sup>

“dan aku hukumkan (Allahuma ya Muhammad) antara mereka itu seperti hukum yang diturunkan Allah” [al-Maidah:49]

dan sabda nabi Sallallahu ‘alaihi Wassalam:

إذا اجتهد الحاكم فأخطأ فله أجر وإن أصاب فله عشرة أجور<sup>31</sup>

Apabila ijtihadlah hakim pada hukumnya maka tersalah ia maka baginya **pahala** daripada ijtihadnya itu dan jika betul ijtihadnya itu baginya sepuluh pahala<sup>32</sup>

dan tersebut dalam hadis maka adalah qadi itu tiga perkara dua perkara atas neraka dan satu perkara isi syurga maka dua perkara isi neraka<sup>33</sup> itu iaitu **pertama** qadi yang jahil yang tiadanya ‘alim jikalau muafakat hukumnya itu dengan yang benar sekalipun tiada

<sup>27</sup> Pada MNA 07 00815 menyatakan “*iaitu yang menghukumkan segala manusia*”

<sup>28</sup> Pada MNA 07 00815 menyatakan “*iaitu makna hukum itu mengisbatkan satu pekerjaan atau menafikandia*”

<sup>29</sup> Perkataan asal merujuk kepada kalimah al-Asl dalam bahasa arab. Maka dalam ilmu Usul al-Fiqh bahawa penggunaan kalimah ini membawa erti asas, kaedah atau dalil. Oleh itu penggunaan asal perkataan Melayu dalam teks ini bermaksud dalil kerana ayat berikut menunjukkan dalil bagi syariat ad-dakwa.

<sup>30</sup> Surah al- Maidah ayat 49 bermaksud “*dan hendaklah Engkau menjalankan hukum di antara mereka Dengan apa Yang telah diturunkan oleh Allah*”.

<sup>31</sup> Lihat dalam التلخيص الحبير في تخريج أحاديث الرافعي الكبير Abu al-fadl Ahmad bin ‘ali bin Muhaamd bin Ahmad bin Hajr al-‘asqalani. Kitab *al-Qadha*. Juz.4. Dar al-Kitab al-‘ilmiyah. hlm.333 mentakhrij hadis sebagai berikut;

حديث 2553: إذا اجتهد الحاكم فأخطأ فله أجر ، وإن أصاب فله أجران . متفق عليه من حديث عمرو بن العاص ، وأبي هريرة ، ورواه الحاكم والدارقطني من حديث عقبة بن عامر ، وأبي هريرة ، وعبد الله بن عمرو بلفظ : إذا اجتهد الحاكم فأخطأ فله أجر ، وإن أصاب فله عشرة أجور . وفيه فرج بن المطلب ، وهو ضعيف ، وتابعه ابن لميعة بغير لفظه ، ورواه أحمد من حديث عمرو بن العاص بلفظ : إن أصبت القضاء فلك عشرة أجور ، وإن أنت اجتهدت فأخطأت ، فلك حسنة . وإسناده ضعيف أيضا .

<sup>32</sup> Hadis diatas berbeza dengan riwayat Bukhari dan Muslim. Dalam satu riwayat, disebut sebagai “*apabila Hakim menghakimi berijtihad kemudian benar maka mendapat dua pahala dan bila berijtihad kemudian keliru maka memperolehi satu pahala*”. Hadis Sahih al-Bukhori 7352, Sahih al-Muslim 1716, Sahih al- Nasai 5396.

<sup>33</sup> Hadis Riwayat Abu Daud, *Sunan Abu Daud, Kitab al-Aqdiyah, Bab fi al-Qadi Yukhti*, No. 3573

*jua sah hukumnya<sup>34</sup> itu dengan sebab meninggalkannya daripada berajar<sup>35</sup> [belajar] dalam ilmunya seperti Sayidina Nabi Sallallahu ‘alaihi Wassalam:*

طلب العلم فريضة على كل مسلم ومسلمة<sup>36</sup>

*“bermula minta ‘ilmu itu wajib lagi fardu atas setiap Islam lelaki dan Islam perempuan”*

*dan sabda nabi Sallallahu ‘alaihi Wassalam:*

من لا شيخ له فالشيطان شيخه<sup>37</sup>

*“barang siapa tiada guru baginya maka syaitanlah gurunya”  
maka barang siapa ada gurunya itu syaitan<sup>38</sup>*

---

<sup>34</sup> Menurut Zainuddin al-Malabari (2013) bahawa Imam Nawawi dalam *Syarah Muslim* berkata kaum muslimin bersepakat bahawa syarat Hakim adalah ‘alim lagi *Mujtahid*, jika tidak begitu maka berdosa dalam semua keputusannya walaupun benar kerana kebenarannya hanyalah suatu kebetulan sahaja. lihat Zainuddin abd. Aziz al-Malabari (2013), *Fathul Mu’in, Bab Peradilan*. Jahabersa, Johor. h.621

<sup>35</sup> Berajar itu ‘Belajar ‘ mungkin yang di maksudkan pengarang menyinggalkan belajar kerana maksud dari hadis ilmu itu

<sup>36</sup> Khiilaf ulama dalam derjat hadis ini. Diantara ulama yang mentakhrij *dhoif* hadis ini adalah:

ضعف هذا الحديث حديث طلب العلم فريضة على كل مسلم بكل طرقه وأعله كل من-1: أحمد .2- وابن عبد البر .3- والبيهقي .6- والذهبي .5- والهيثمي .4- والبيهقي .7- وابن الجوزي .8- والعراقي .9- والعقبلي .10- وابن عدي .11- وابن حبان .12- والنووي .13- وابن القطان.

Ada ulama yang mentakhrij hadis ini darjat *Hasan*; lihat as-sayuti meletak hadis ini sahih kerana faktor lain. Menurut as-sayuti ada 50 jalan sanad hadis ini.

قال المصنف [أى الإمام السيوطي]: جمعت له خمسين طريقاً وحكمت بصحته لغيره.

<sup>37</sup> Kebanyakan ulama berbeza memahami kata-kata ini من لا شيخ له فالشيطان شيخه

Menurut sebahagian pendapat jika secara umum di mutlakkan lafaz-lafaz nya maka ia adalah tidak benar dan menyalahi adab namun jika mengambil perhatian atas saranan bahawa berguru ia adalah yang paling baik. Namun kenyataan belajar dengan syaitan itu, tidak didapati sahih dari segi sanadnya (jalur riwayat), tapi ia sahih dari segi maknanya (bagi mereka yang melihat dengan hati yang cerah dan bersikap terbuka). Ia adalah suatu perumpamaan daripada para ulama untuk memberi peringatan kepada mereka yang suka menjadikan bahan bacaannya sebagai ilmunya. Setelah di teliti bahawa ungkapan tersebut adalah dari golongan ahli tasauf. Hujjatul Islam al-Imam al-Ghazali menurutnya kata-kata itu tidak di dapati dalam kitab-kitab hadis yang terkenal seperti Sunan Sittah , Mausu’ah Atrofil Hadis , Al-Jamie’ al-Kabir Lis Suyuthi , Al-Mu’ujam al-Mufahras Li Alfazil Hadis an-Nabawi.

<sup>38</sup> Asy-Syeikh Mahmud ‘Abdul Rauf al-Qasim menyatakan di dalam kitabnya *Al-Kasyfu ‘An Haqiqah as-Sufiyyah Li Awwal Marrah Fit Tarikh* bahawa kata-kata itu dan yang seumpama dengannya adalah berasal daripada tokoh-tokoh Tasawwuf , di antaranya : Al-Imam as-Saiyid Ahmad ar-Rifai’e, Al-Imam Abu Yazid al-Bustomi.

maka tiadalah lagi syak akan dia isi neraka **kedua** qadi yang ‘alim yang tiada menghukumkannya ia seperti dalam ilmunya seperti firman Allah Taala

ومن لم يحكم بما انزل الله فأولئك هم الظالمون<sup>39</sup>

“barang siapa tiada menghukum seperti hukum yang diturunkan Allah maka mereka itulah segala orang yang zalim”(al-Maidah :45), fasiq<sup>40</sup> dan kafir<sup>41</sup>

ketiga qadi itu yang isi syurga iaitu qadi yang alim yang menghukumkan ia seperti hukum yang patut..

**Syahdan** bermula haram atas hakim memenjara mad’u [orang yang dakwa] pada dakwanya hendaklah didengarkan dakwanya itu baik<sup>42</sup>

maka jika sudah diperoleh dalamnya segala syarat dakwa [dakwaan yang sah iaitu dakwaan memenuhi syarat dakwa]<sup>43</sup> maka diperiksalah jawabnya [diteliti jawab balas dari pihak yang kena tuduh] al-mudda’i alaih jika dijawabnya [si al-mudda’i alaih] itu nafi mutlak maka dipinta saksi daripada dai’e [pendakwa] maka

<sup>39</sup> Surah al- Maidah ayat :45.

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصًا فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Bermaksud; ..... dan sesiapa Yang tidak menghukum Dengan apa Yang telah diturunkan Allah, maka mereka itulah orang-orang Yang zalim.

<sup>40</sup> Lihat dalam surah al-Maidah ayat 47; وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

<sup>41</sup> Lihat dalam surah al-Maidah ayat 44; وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

<sup>42</sup> hakim diminta untuk mendengar dakwaan yang baik iaitu yang berserta keterangan (*bayyinah*) seperti yang dianjurkan hadis البينة على المدعي

<sup>43</sup> Prosedur pendakwaan adalah suatu aspek yang tidak dapat dipisahkan serta amat penting dalam mana-mana sistem keadilan jenayah samada sivil mahupun syariah. Di Malaysia, apabila sesuatu kesalahan jenayah syariah dilaporkan, pegawai penguatkuasa agama di bawah Bahagian Siasatan Jabatan Agama Islam negeri akan memulakan siasatan untuk mengumpul bukti dan keterangan. Sekiranya siasatan tersebut berjaya mengumpul keterangan yang kukuh, maka fail siasatan tersebut akan diserahkan pula kepada pegawai pendakwa syarie di Bahagian Pendakwaan Jabatan Agama Islam negeri. Ini bagi membolehkan suspek tersebut didakwa mengikut prosedur-prosedur yang telah digubal. Lihat Ahmad ‘Azam Mohd Shariff .Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke atas Peruntukan Undang-undang di bawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

tiada baginya saksi[syahadah/bayyinah] maka disuruh bersumpah si muddai'e[ yang mendakwa maka ia disebut yamīn<sup>44</sup> al-Mudda'i.]<sup>45</sup> dan jika enggan dia [mudda'i alaih] bersumpah<sup>46</sup> dan nukul<sup>47</sup> ia kepada si muddai'e maka bersumpahlah si muddai'e [al-yamin al-Mardudah] dan jikalau enggan si muddai'e [yang mendakwa] itu bersumpah maka ditelek [diperiksa/disemak] hukumnya maka jika sudah ditetapkan oleh hakim nukulnya itu maka tiadalah dapat si muddai'e itu enggan daripada bersumpah.

Dalam bab yang kedua dalam menerangkan Ad-Dakwa dan keterangan<sup>48</sup> [al-bayyinah] dan apa-apa yang bergantung dengan keduanya. Maka asal [dalil] dalamnya firman Allah taala

---

<sup>44</sup> *al-yamīn* dalam konteks sebagai suatu keterangan dan pembuktian dalam sistem kehakiman Islam, maka *alyamīn* yang dimaksudkan di sini adalah di hadapan hakim sahaja. Sumpah disyariatkan bertujuan bagi menguatkan samada dari aspek kebenaran dalam mensabitkan hak serta penafian ataupun ketika gagal dalam mengemukakan bukti dan keterangan. Sumpah diterima ketika menyelesaikan sesuatu perbalahan, tetapi kedudukannya adalah lemah dan bergantung kepada keterangan dan pembuktian yang lain. Oleh itu jika ada bukti selepas sumpah dilaksanakan, harus diterima semula bukti atau keterangan baru itu. lihat Dr Muhammad Mustafa al-Zuhaili. 1982. *Wasail al-Ithbat fi al-Syariat al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.

<sup>45</sup> Menurut jumhur yang terdiri daripada Maliki, Shafie, Hanbali dan lain-lain menerima pakai *yamīn al-Mudda'i*. Menurut para ulamak yang menerima *Yamīn al-Mudda'i*, ia terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *Yamīn al-Jalibah*, *Yamīn al-Tuhmah* dan *Yamīn al-Istizhar* [*Yamīn al-Istizhar* merupakan bentuk *yamīn* yang paling kerap digunakan dalam menyelesaikan sesuatu pertikaian di Mahkamah-Mahkamah Syariah. *Yamīn al-Istizhar* juga disebut sebagai *Yamīn al-Istithaq* dan ulamak Maliki menamakannya sebagai *Yamīn al-Istibra'* iaitu sumpah yang dilakukan oleh orang yang mendakwa atas permintaan hakim untuk menolak tohmah terhadapnya selepas ia mengemukakan dalil dan keterangan yang diperlukan dalam dakwaan. Ia merupakan penyempurnaan dalil atau keterangan seperti kesaksian dan hasil daripada itu sabitlah dakwaan di sisi hakim. Lihat *ibid*.

<sup>46</sup> Hendaklah *mudda'a alaih* menafikan tuduhan yang dilemparkan oleh *mudda'i* terhadapnya. Sekiranya *mudda'a alaih* mengaku atau *mudda'i* cukup keterangan maka sumpah tidak diperlukan. Menurut jumhur sumpah yang dikenakan apabila yang menuntut gagal membawa keterangan atau tidak mempunyai keterangan yang kukuh. Jika yang menuntut mempunyai keterangan yang kuat maka tidak sah memintanya bersumpah

<sup>47</sup> *Nukul* ; keengganan bersumpah bermaksud *mudda'a alaih* enggan bersumpah setelah diarahkan oleh hakim, sedangkan mengikut proses biasa ia mesti melakukan sumpah.

<sup>48</sup> Dalam MNA 0700815 dinyatakan *al-Bayyinah*. Keterangan atau al Bayyinah dalam bahasa Arab memberi erti dalil atau hujah, mu'annath al bayyin, jama'nya al Bayyinat ertinya jelas, terang dan nyata. Menurut Istilah ada 3 pandangan fuqaha' - i- *al Bayyinah* bermaksud *Syahadah* (kesaksian) dan syuhud (saksi-saksi) kerana dengan mereka ternyata hak yang didakwa, atau kerana yang ghalibnya pada al Bayyinah itu adalah syahadah, sebab berlakunya keterangan dengan kata-kata saksi dan terangkatlah kesamaran dengan kesaksian mereka. lihat dalam mazhab Hanafiyah, Malikiyyah, Syafi'iyah dan Hanabilah. ii- *al Bayyinah* bermaksud nama bagi sesuatu yang menerang dan menyatakan yang hak. Setiap dalil, hujah atau wasilah yang boleh membuktikan hak-hak dan dizahirkannya hadapan Hakim, ia adalah *Bayyinah*. Ianya selari dengan makna *Bayyinah* dari segi bahasa dan sama dengan makna *Ithbat*. Lihat dalam Ibn Farhun, Ibn al Qayyim. iii- *al Bayyinah* merangkumi saksi-saksi dan maklumat hakim kerana yang sebenarnya hak itu ternyata dengan kedua-dua ini sahaja. lihat Ibn Hazm .

ولهم ما يدعون<sup>49</sup>

“Dan bagi mereka itu barang yang didakwa mereka itu” [Yasin: 57]

Sabda Nabi SAW

البينة على المدعي واليمين على من انكر<sup>50</sup>

Saksi<sup>51</sup> atas yang mendakwa dan sumpah atas yang didakwa.

*Bermula* adalah peredaran khusumah [pertelingkahan] itu atas lima perkara *pertama* dakwa<sup>52</sup> *kedua* jawab<sup>53</sup> *ketiga* sumpah<sup>54</sup> *keempat* nukul<sup>55</sup> *kelima* bayyinah<sup>56</sup>.

Maka dakwa itu syaratnya enam perkara dan rukun dakwa enamnya Maka apabila berhimpunlah syarat yang enam<sup>57</sup> itu

---

<sup>49</sup> Surah yasin:57 ; لَّهُمْ فِيهَا فَاكِهَةٌ وَلَهُمْ مَا يَدْعُونَ

<sup>50</sup> Hadis ini telah dikeluarkan dari beberapa sumber kitab hadis antaranya;

أخرجه البخاري [8/ 213]، كتاب التفسير: باب { إِنَّ الَّذِينَ يَشْتَرُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَأِيمَانِهِمْ ثَمَنًا قَلِيلًا أُولَئِكَ لَا خَلَاقَ لَهُمْ } [آل عمران: 77]، حديث [4052]، ومسلم [3/ 1336]، كتاب الأفضية: باب اليمين على المدعى عليه، حديث [1/ 1711]، وأبو داود [4/ 40]، كتاب الأفضية: باب في اليمين على المدعى عليه، حديث [3619]، والترمذي [3/ 626]، كتاب الأحكام: باب ما جاء في أن البينة على المدعي واليمين على المدعي عليه، حديث [1342]، والنسائي [8/ 248]، كتاب آداب القضاة: باب عظة الحاكم على اليمين، وابن ماجه [2/ 778]، كتاب الأحكام: باب البينة على المدعي واليمين على المدعى عليه، حديث [2321]، والبيهقي [5/ 322]، كتاب البيوع: باب اختلاف المتبايعين، والبعوي في "شرح السنة" [5/ 339 - بتحقيقنا]، كلهم من طريق ابن أبي مليكة عن ابن عباس قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "لو يعطى الناس بدعواهم لادعى ناس دماء رجال وأموالهم ولكن اليمين على المدعى عليه" لفظ مسلم. تنبيه: ذكر هذا الحديث الإمام النووي في "الأذكار" ص [447]، بلفظ: لو يعطى الناس بدعواهم لادعى رجال أموال قوم ودمائهم يكن البينة على المدعي واليمين على من أنكر. وقال: هو حسن بهذا اللفظ بعضه في "الصحيحين"

<sup>51</sup> Pengarang memberi makna البينة dengan perkataan Saksi

<sup>52</sup> Menurut Kamus Dewan pula pendakwaan ialah pengemukakan (penyampaian) sesuatu dokumen (tuduhan). Maksud lain dari sudut bahasa ialah perkataan yang dimaksudkan oleh seseorang untuk mengemukakan hak ke atas orang lain atau membuat tuntutan dan harapan. menurut istilah ialah perkataan yang diterima oleh hakim. Ada yang mentakrifkannya dengan "pernyataan daripada seseorang mengenai wujudnya hak di atas tanggungan orang lain di hadapan hakim". Selain itu, pendakwaan juga dihuraikan sebagai memberi atau mengadu haknya ke atas orang lain atau mendakwa dengan mengemukakan keterangan melalui saksi-saksi lelaki atau perempuan. Dalam istilah fiqh disebut *Muda'i*.

<sup>53</sup> Jawab beerti dari pihak yang kena dakwa atau disebut *Muda'a alaih*

<sup>54</sup> Disebut dengan *al-yamin* dari pihak yang kena dakwa.

<sup>55</sup> Keengganan Bersumpah dari pihak Yang kena dakwa.

<sup>56</sup> Keterangan dari pihak yang mendakwa.

<sup>57</sup> Ada enam (6) syarat utama dan dua (2) syarat tambahan untuk menjadikan sahnya suatu dakwaan sehingga ia boleh didengar , iaitu:

1. Pihak *al-mudda'e* hendak menjelaskan secara terperinci tentang perkara yang didakwakannya (*al-mudda'a bih*), penjelasan itu adalah berbeza dengan apa yang dikatakan oleh pihak *al-mudda'a 'alaih*.

2. *Al-Mudda'a Bih* (Perkara yang didakwakan) hendaklah boleh didakwakan kepada *al-Mudda'a 'alaih* (pihak yang didakwa).

*dalamnya maka iaitulah dakwa yang sahih namanya dan tatkala itu dapatlah diperiksa ia akan mudda'a alaihi (yang didakwa) pada jawabnya.*

*Syahdan bermula sunat bagi raja itu apabila mendirikan [melantik] ia akan qadi memberi izin ia akan dia membubuh [meletak] ganti [wakil] pada tiap –tiap pekerjaan yang kesukaran ia mengerjakan akan dia tetapi hendaklah gantinya [yang diwakilkan] itu seperti sifat qadi jua pada ilmunya dan perintahnya maka jika diperoleh pada seorang sifat qadi maka datang orang yang berkhushumah [bertikai] kepadanya hendaklah berhukum nescaya harus yang demikian itu dengan syarat redha keduanya [yang bertikai] itu setelah sudah hukum.*

*Maka mungkir [tidak terima] pula yang mahkum [yang dihukum] seperti dikatanya tiada aku berhukum [tidak menerima hukum] kepadamu maka kata yang ditempatnya bertahkim ada sudah dengan redhamu engkau berhukum kepada ku nescaya dipinta saksi daripada tahkim<sup>58</sup> itu maka jika tiada baginya saksi maka*

---

3. *Al-Mudda'a 'Alaih* (Pihak yang dituntut) itu adalah pihak yang tertentu, seperti jika seseorang mendakwa, salah seorang dari mereka telah membunuh seseorang tertentu, maka tidak didengar dakwaannya itu, kerana dakwaan tersebut akan menyusahkan *al-mudda'a 'alaihi*.

4. Dakwaan hendaklah konsisten iaitu tidak boleh wujud dua dakwaan yang bercanggah, seperti jika *al-mudda'e* mendakwa seseorang tertuduh (*al-mudda'a 'alaihi*) telah membunuh secara individu / bersendirian, kemudian *al-mudda'ie* telah mendakwa bahawa terdapat tertuduh kedua sebagai rakan sepembunuh dengan tertuduh pertama itu atau *al-mudda'ie* menuduh tertuduh kedua membunuh orang yang sama bersendirian, maka tidak didengar akan dakwaan yang kedua itu kerana tuduhan kedua adalah bercanggah dengan tuduhan pertama, kecuali tertuduh kedua membuat pengakuan, maka pengakuannya itu diterima dan dakwaan ke atasnya didengar.

5. *Al-mudda'ie* dan *al-mudda'a 'alaihi* adalah mukallaf, seperti bukannya orang yang mabuk.

6. *Al-mudda'ie* dan *al-mudda'a 'alaihi* terikat dengan hukum-hakam yang berlaku (berkuatkuasa).

Syarat tambahan -

1. Didengar dakwaan itu iaitu di hadapan Hakim (Qadhi). 2. *Al-mudda'a 'alaihi* diminta untuk dijawab perbalahan.

<sup>58</sup> Tahkim: Segi bahasa `memberi kuasa menjatuhkan hukuman kepada seseorang. Istilah nya ialah `satu proses dimana pihak yang bertikai melantik seseorang menjadi hakam bagi menyelesaikan pertikaian yang timbul diantara mereka berlandaskan hukum syarak. Hakam atau *muhakkam* orang dilantik untuk megadili mereka yang bertikai itu. Kedudukan `Tahkim` lebih rendah dari `al-Qadha`. Lihat *Risalah Ahkam* .Mohd Salleh Hj Ahmad. *Al-qadha* pula `Menghakimi dan mengadili antara beberapa pihak yang bertikai berdasarkan Undang-Undang Islam dan dengan tatacara atau prosedur tertentu. Lihat *Nizam al-Qada`* . Dr, Karim Zaidan.hlm. 13

*sumpahlah mahkum [yang dihukum] seperti hukum qadhi yang sudah turun pada hukum harta dan nikah jua.*

Pada penutup tulisan kitab beliau mencatat,

*“Tamat al-kitab Hujjah al-Balighah ‘ala Jama'ah al-Mukhasamah karangan faqir yang hina Faqih Jalaluddin ibnu asy-Syeikh Kamaluddin ibnu al-Qadhi Baginda Khathib at-Tarun Pasir pada 27 Rabiulakhir, waktu Dhuha pada zaman Alauddin Jauhar Syah, pada hijrah seribu seratus tiga puluh delapan tahun (27 Rabiulakhir 1158 H/1745 M).*

Untuk memahami manuskrip, perlu merujuk kitab-kitab lain, bahkan manuskrip lain yang memiliki hubungan dengan pembahasan dalam manuskrip tersebut.

## **5.0 PENUTUP**

Perbincangan yang dibawa oleh Jalaluddin al-Asy ini dilihat penting dalam menggalakkan masyarakat ketika itu untuk mendalami ilmu kehakiman. Al-Asy juga menerangkan konsep pendakwaan serta keterangan yang jelas dan memberi panduan sistem kehakiman kepada masyarakat. Persoalan pendakwaan juga penting untuk ditekankan kerana ianya salah satu medium penting dalam prosedur kehakiman di mahkamah. Ia juga sebagai satu mekanisme jaminan keadilan dalam penghakiman Islam.

Benarlah bahawa kemajuan sesebuah tamadun manusia adalah bergantung kepada tingkat pembudayaan ilmu dalam masyarakat. Senario ini dapat dilihat dalam perkembangan institusi pengajian Islam di Alam Melayu selepas kedatangan Islam. Kesannya, ramai tokoh ulama dilahirkan dan banyak hasil karya dihasilkan. Kitab ulama Melayu klasik sama ada dalam disiplin Fiqh, Tauhid, Tafsir dan seumpamanya merupakan sebahagian daripada khazanah keilmuan tempatan. Ia merupakan aset yang berharga dalam membangunkan modal insan yang berilmu lagi bertaqwa. Kini, manuskrip ini menjadi

artifak yang sangat bernilai dan terpenting sebagai warisan tamadun bangsa yang amat berharga. Banyak pihak dan institusi bergiat dan berusaha menjaga serta mengumpul manuskrip ini. Berdasarkan kepada huraian di atas, dapat dirumuskan bahawa tradisi kajian fiqh berkembang seiring dengan tradisi pengajian Islam yang lain seperti ilmu kalam, tasawuf, ceritera dan sebagainya di kalangan sarjana Melayu.

Adalah sangat penting untuk bagi kita mengkaji sumbangan tokoh silam ini dalam bidang fiqh kehakiman untuk mengambil iktibar dan pengajaran daripadanya. Kajian bertumpu kepada proses pendakwaan dalam kehakiman Islam. Cabaran untuk membuktikan sistem kehakiman Islam yang telus dan adil terletak kepada kebijaksanaan para hakim dalam mengengadalkan kes-kes. Sumbangan tokoh ini telah berjaya membantu sistem pemerintahan kerajaan Islam Aceh pada masa itu. Ini terbukti dengan kemakmuran dan kemahsyuran kerajaan Islam Aceh telah dikenali dalam lipatan sejarah.

## **RUJUKAN**

Al-Qur'an.

Abdul Rahman Al-Jaziri. T.t. *Kitab al-Fiqh 'Ala Al Madhahib Al-Arba'ah*.

Abu Bakar, (1993). *I'arah al-Talibin*. Beirut: Dar al-Fikr.

Abu Faris, Muhammad Abd al-Qadir, (1998). *Kitab al-Aiman wa al-Nuzur*. 'Amman: Dar al-Qalam. Cetakan Pertama.

Al-Kasani, Abu Bakar Ibn Masoud al-Kasani al-Hanafi, (1998). *Badai' al-Sanai' fii Tartib al-Syarai'*. Cetakan Kedua. Beirut: Dar Ihya' al-Turath alArabi.

Al-Nawawi, Imam Abu Zakaria Mahyuddin ibn Syaraf (1996). *Al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr. Cetakan Pertama.

Al-Nawawi, Imam Abu Zakaria Mahyuddin ibn Syaraf, (2000). *Minhaj lTalibin*. Beirut: Dar al-Bashair. Cetakan Pertama.

Al-Nawawi, Imam Abu zakaria Yahya ibn Sharf. T.t. *Raudhah al-Talibin*. Beirut Dar al-Kutub al-'ilmiyyah.

Al-Nawawi, Imam Mahyuddin. t.t. *Sharh Imam Muslim al-Imam al-Nawawi*. Beirut: Dar Ma'rifah.



- Al-Rafei, Imam Abu al-Qasim Abd. Al-Karim ibn Muhammad ibn Abd. Al-San'ani, Muhammad ibn Ismail al-Amir al-Yamani, (1997). *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Muram*. Cetakan Ketiga. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ahmad Juhari, (2008). *The Origin and Spread of The Jawi Script*, (kertas kerja Sub-Regional Symposium on the Incorporation of the Languages of Asian Muslim Peoples into the Standardized Quranic Script, Kuala Lumpur, pada 5-7 November 2008).
- Asma Ahmat, (1992). *Katalog Manuskrip Melayu di Jerman Barat*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Asma Ahmat, (1993). *Katalog Manuskrip Melayu di Library of Congress, USA*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Al-Syarbini, Shamsuddin Muhammad Ibn Nuhammad al-Khatib, (1994). *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Manhaj*. Cetakan Pertama. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Zarkhasyi, Syeik Shamsuddin Muhammad ibn Abdullah, (1993). *Syarh al-Zarkhasyi 'ala Mukhtasar al-Kharqi*. Cetakan Pertama. Maktabah al-'Abikat.
- Braginsky, V. I., M. A. Boldyreva, A. M. Kulikova, (1989). *Naskhah Melayu di Leningrad*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ding Choo Ming, (2008). *Manuskrip Melayu: Sumber Maklumat Peribumi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haji Wan Ali Wan Mamat, (1993). *Katalog Manuskrip Melayu di Singapura*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Hamdan Hassan, (1993). "Pengaruh Pemikiran Pembaharuan Islam dari India", dalam Mohd Taib Osman & Hamdan Hassan (eds.), *Bingkisan Kenangan untuk Pendeta*. e. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah et.al., (eds.) (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. (edisi kedua), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hj. Wan Ali Hj. Wan Mamat, (1985). *Katalog Manuskrip Melayu di Belanda*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.

- Ibn Abu Dam, al-Qadhi Shabuddin Ibrahim Ibn Abdullah, (1987). *Kitab Adab al-Qadha'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah, Abu Abdullah Muhammad Ibn Abu Bakar, (1995). *al-Turuq al-hukmiyyah fii al-Siasah al-Syariyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
- Karim, (1997). *Al-Aziz Shar al-Wajiz*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. Cetakan Pertama.
- Mahayudin Haji Yahaya, (1998). *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 83.
- Mahayuddin Hj. Yahya, (2009). *Kajian Manuskrip Melayu. Kertas kerja Bengkel Kajian Manuskrip Melayu. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mohd Anuar Ramli, (2010). "Pemikiran "Mesra Gender" dalam Karya Fiqh Ulama Melayu Klasik", Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 2, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Taib Osman, (1974). "Asas dan Pertumbuhan Kebudayaan Malaysia", dalam *Syarahan Tun Seri Lanang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Mohd Taib Osman, (1979). *Warisan Puisi Melayu*. (3<sup>rd</sup> ed). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Munazzah Haji Zakaria, (1998). *Katalog Manuskrip Melayu di Afrika Selatan*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Mustafa al-Zuhaili, (1982). *Wasail al-Ithbat fi al-Syariat al-Islamiyyah*. Beirut: Maktabah Dar al-Bayan.
- Mahmud Saedon A. Othman, (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Cetakan Pertama.
- Mustafa al-Khin & Dr Mustafa al-Bugho, (1996). *al-Fiqh al-Manhaji*. Damsyiq: Dar al-Qalam. Cetakan Kedua.
- Najat al-Marini, *Fi Manhaj Tahqiq al-Nusus al-Turathiyah dlm. Tahqiq al-Nusus al-Thurathiyah*, 2006M/1427H.
- Panuti Sudjiman, (1995). *Filologi Melayu*. Jakarta: PT DUNIA PUSTAKA JAYA.
- Robson, R. O. (1978). *Pengkajian Sastra-Sastra Tradisional Indonesia, dlm. Bahasa dan Sastra: Memuat Masalah Bahasa dan Sastra Indonesia dan Daerah*. Rujuk [http://en.wikipedia.org/wiki/Tarikh-muat\\_turun\\_pada\\_12\\_Disember\\_2012](http://en.wikipedia.org/wiki/Tarikh-muat_turun_pada_12_Disember_2012).

- Rohayah Md. Lani et al., (2006). *Aksara: The Passage of Malay Scripts: a Select Bibliography*. Singapore: National Library Board.
- Salmah Ahmad. *Pentahkikan Manuskrip Melayu dan Arab*. Kertas kerja Bengkel Manuskrip Alam Melayu. Institut Alam dan Tamadun Melayu. 4 Sept. 2012.
- Shank, Gary. D. (2006). *Qualitative Research: A Personal Skills Approach* (2nd ed). New Jersey: Person Education Inc.
- Siradjuddin Abbas, (2006). *Sejarah dan Keagungan Madzhab Syafi'i. c. 14*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Siti Hawa Haji Salleh, (1997). *Kesusasteraan Melayu Abad Kesembilan Belas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Mariani Omar, (1991). *Katalog Manuskrip Melayu di Perancis*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Teuku Iskandar, (1999). *Catalogue of Malay, Minangkabau, and South Sumatran Manuscripts in the Netherlands*. Leiden: Documentatiebureau Islam-Christendom.
- Wan Saghir, (2006). *Sumbangan Ulama Aceh*. Kuala Lumpur. Khazanah Fathaniyyah.